

15/07/1997

Selangor setuju hebah larangan dedah aurat

Rasid Rahaman

SHAH ALAM, Isnin - Kerajaan Selangor tetap menguatkuasakan peraturan melarang wanita Islam menyertai pertandingan ratu cantik dan berpakaian kurang sopan di tempat awam di negeri ini walaupun mendapat kritikan pelbagai pihak.

Menteri Besar, Datuk Abu Hassan Omar berkata, penguatkuasaan larangan mengikut Seksyen 31 Enakmen Jenayah Syariah Selangor itu tetap dilaksanakan di negeri ini kerana ia sudah diwartakan sejak 1995.

"Kerajaan negeri tetap menguatkuasakannya dan tidak berhasrat menarik balik larangan itu," katanya kepada pemberita selepas lawatan rasmi ke Ibu Pejabat Jabatan Agama Islam Selangor (Jais) di sini, hari ini.

Turut hadir Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor (SUK) Datuk Hashim Meon; Pegawai Kewangan Negeri, Datuk Abdul Aziz Mohd Yusof; dan semua Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Selangor (Exco).

Isu itu timbul berikutan tindakan Jais menahan tiga model sambilan yang menyertai pertandingan 'Ratu Cantik Petite 1997' di Subang Jaya, baru-baru ini.

Noni Mohammad, 19, Fahayu Hanim Ahmad, 18, dan Sharin Shaari, 23, dituduh mengikut Seksyen 31, Enakmen Jenayah Syariah Selangor 1995 kerana berpakaian kurang sopan di khalayak ramai.

Mengikut seksyen 31 enakmen itu, mereka yang disabitkan kesalahan boleh didenda tidak lebih RM1,000, penjara tidak lebih enam bulan dan kedua-duanya sekali.

Takrif berpakaian tidak sopan di tempat awam mengikut Seksyen 31 enakmen terbabit ialah:

- \* Duduk berpelukan dengan pasangan yang bukan muhrim;
- \* Berpegangan tangan dan memaut pinggang lelaki dan perempuan bukan muhrim;
- \* Meraba pasangan antara satu sama lain;
- \* Bercium dengan pasangan di tempat awam;
- \* Berpakaian kurang sopan dan menjolok mata serta keterlaluan pada adat dan penerimaan masyarakat;
- \* Berdua-duaan di tempat gelap/samar yang boleh menimbulkan syak khasnya pada waktu yang tidak munasabah;
- \* Duduk bergesel-geselan dengan pasangan bukan mahram;
- \* Jelas bertentangan dengan Hukum Syarak; dan
- \* Baring di pangku/riba pasangan dan lain-lain.

Abu Hassan berkata, kerajaan negeri akan menghebahkan larangan itu seluas-luasnya melalui media massa dan elektronik supaya tidak timbul sebarang kekeliruan.

"Saya akui walaupun sebelum ini larangan itu sudah dihebahkan, pelaksanaannya tidak menyeluruh menyebabkan ada pihak yang masih menyertai pertandingan ratu cantik.

"Oleh itu, kerajaan negeri akan meningkatkan lagi hebahan di media massa dan media elektronik terhadap larangan itu sama ada melalui media masa atau media elektronik," katanya.

Pada masa yang sama, kerajaan negeri akan menyediakan garis panduan kepada Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) mengenai larangan itu supaya dapat memaklumkan kepada penganjur pertandingan ratu cantik.

"Jika ada wanita Islam yang ingin menyertai pertandingan ratu cantik, penganjur hendaklah menolak penyertaan mereka itu," katanya.

Abu Hassan berkata, dalam jangka masa panjang, kerajaan negeri akan

mengkaji undang-undang itu dengan fatwa negeri lain sebelum dirujuk kepada Jawatankuasa Hal-Ehwal Islam Malaysia yang dipengerusikan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Menurutnya, langkah itu supaya ia dapat diselaraskan di seluruh negara.

(END)